

Headline	<b>Kerjasama pendidikan Malaysia-Perancis</b>		
Date	<b>18. Jan 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>2</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>83 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>



## Kerjasama pendidikan Malaysia-Perancis

KUALA LUMPUR 17 Jan. – Malaysia dan Perancis hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan kerjasama antara universiti kedua-dua negara dalam dua bidang utama.

Program tersebut melibatkan 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tujuh universiti di Perancis khusus untuk pensyarah-pensyarah yang ingin melanjutkan pengajian pada peringkat doktor falsafah (Ph.D).

Universiti tempatan yang terlibat ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Turut terlibat, Universiti Islam Antara-

bangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, pelaksanaan program itu selaras dengan penubuhan Pusat Universiti Malaysia-Perancis (MFUC) di sini pada 2006 yang bertujuan melatih pensyarah-pensyarah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Katanya, pensyarah-pensyarah yang mengikuti program itu akan membuat Ph.D di IPTA di Malaysia dan Perancis.

Tambahnya, pensyarah universiti tempatan pula perlu mengikuti separuh masa pengajian di IPTA masing-masing.